

MODEL CYBERGOGI-TALAAQI: INTEGRASI TEKNOLOGI DIGITAL DAN ADAB DALAM PEMBELAJARAN PENGAJIAN ISLAM DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI

THE CYBERGOGI-TALAAQI MODEL: INTEGRATION OF DIGITAL TECHNOLOGY AND ADAB IN ISLAMIC STUDIES LEARNING AT HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS

**Khairul Hamimah Mohammad Jodi^{1*}, Muhamad Zulfadli Abdul Rahman², Rosmaria
Omar³, Abd. Aziz Rekan⁴**

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Open University Malaysia, Malaysia^{1,2}

Fakulti Pendidikan, Open University Malaysia, Malaysia³

Fakulti Pendidikan dan Pengajian Sukan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia⁴

khairul_hamimah@oum.edu.my¹, muhamad_zulfadli@oum.edu.my²,
rosmaria@oum.edu.my³, abdazizrkn@ums.edu.my⁴

Corresponding Author*

Received: 12 Januari 2026

Accepted: 24 Januari 2026

Published: 29 Januari 2026

To link to this article: <https://doi.org/10.51200/jpp.v14i1.7330>

ABSTRAK

Era Revolusi Industri 4.0 telah mentransformasi landskap pendidikan global, memerlukan integrasi teknologi digital dalam sistem pembelajaran. Dalam konteks pendidikan Islam, keperluan untuk mengadaptasi teknologi moden sambil memelihara nilai-nilai tradisional Islam menjadi isu kritikal yang memerlukan penyelesaian holistik. Cybergogi, sebagai pendekatan pembelajaran yang memanfaatkan teknologi cyber dan persekitaran dalam talian, menawarkan fleksibiliti, akses global kepada maklumat, dan interaktiviti digital yang tinggi. Pendekatan ini telah menjadi norma baharu dalam pendidikan, terutama selepas pandemik COVID-19. Walau bagaimanapun, cybergogi sering menghadapi cabaran dalam memelihara adab dan nilai-nilai murni dalam pembelajaran, khususnya dalam konteks pendidikan Islam. Talaqqi, sebagai tradisi pembelajaran Islam yang telah dipraktikkan sejak zaman Rasulullah SAW, menekankan interaksi bersemuka antara guru dan pelajar dengan penekanan kuat kepada adab, kesungguhan dalam menuntut ilmu, dan pemeliharaan nilai-nilai spiritual. Kaedah ini didapati berkesan dalam menjamin keaslian ilmu dan pembentukan akhlak pelajar, namun terhad dari segi jangkauan dan fleksibiliti teknologi moden. Justeru, kertas konseptual ini bertujuan untuk membangunkan kerangka Cybergogi-Talaqqi yang mengintegrasikan kelebihan kedua-dua pendekatan melalui gabungan Teori Connectivism oleh George Siemens (2004) dengan pandangan al-Ghazali mengenai adab pelajar dalam kitab Ihya Ulum al-Din. Kerangka ini menjelaskan bagaimana elemen-elemen teras cybergogi dapat diselaraskan

dengan prinsip-prinsip talaqqi untuk membentuk model pembelajaran Islam yang komprehensif. Implikasi kerangka konseptual ini menyediakan panduan praktis kepada institusi pendidikan Islam untuk mereka bentuk sistem pembelajaran yang menyeimbangkan kemajuan teknologi dengan pemeliharaan tradisi keilmuan Islam. Model ini berpotensi menjadi asas teoritikal untuk pembangunan pedagogi Islam digital dan membuka ruang untuk penyelidikan lanjutan dalam bidang ini. Kesimpulannya, kerangka Cybergogy-Talaqqi menawarkan cadangan inovatif untuk cabaran pembelajaran Islam di abad ke-21, dengan hala tuju untuk menjadi rujukan dalam transformasi pendidikan Islam yang berkesan dan autentik. Kertas kerja ini diharapkan dapat menyumbang kepada wacana akademik mengenai evolusi pendidikan Islam di era digital.

Kata Kunci: cybergogy, talaqqi, pembelajaran islam, era digital, adab

ABSTRACT

The era of the Industrial Revolution 4.0 has transformed the global education landscape, necessitating the integration of digital technology into learning systems. In the context of Islamic education, the need to adapt to modern technology while preserving traditional Islamic values has become a critical issue requiring holistic solutions. Cybergogy, as a learning approach that leverages cyber technology and online environments, offers flexibility, global access to information, and high digital interactivity. This approach has become the new norm in education, especially following the COVID-19 pandemic. However, cybergogy often faces challenges in preserving adab (proper conduct) and noble values in learning, particularly within Islamic education. Talaqqi, an Islamic learning tradition practised since the time of the Prophet Muhammad (peace be upon him), emphasises face-to-face interaction between teacher and student, with a strong focus on adab, dedication in seeking knowledge, and the preservation of spiritual values. This method has proven effective in ensuring the authenticity of knowledge and the formation of students' moral character, yet it is limited in reach and the flexibility offered by modern technology. Therefore, this conceptual paper aims to develop a Cybergogy-Talaqqi framework that integrates the advantages of both approaches by combining Connectivism Theory by George Siemens (2004) with al-Ghazali's views on student adab in his work Ihya Ulum al-Din. This framework explains how the core elements of cybergogy can be aligned with the principles of talaqqi to form a comprehensive Islamic learning model. The implications of this conceptual framework provide practical guidance for Islamic educational institutions to design learning systems that balance technological advancement with the preservation of Islamic scholarly traditions. This model has the potential to serve as a theoretical foundation for the development of digital Islamic pedagogy and opens avenues for further research in this field. In conclusion, the Cybergogy-Talaqqi framework offers an innovative solution to the challenges of Islamic learning in the 21st century, aiming to become a reference for the effective and authentic transformation of Islamic education. This paper is expected to contribute to academic discourse on the evolution of Islamic education in the digital era.

Keywords: cybergogy, talaqqi, islamic learning, digital era, adab

PENGENALAN

Revolusi Industri 4.0 (RI 4.0) telah membawa transformasi besar dalam pelbagai sektor kehidupan, termasuk pendidikan. Kemunculan teknologi digital seperti *Internet of Things* (IoT), kecerdasan buatan (AI), *big data*, dan *cloud computing* telah mengubah cara pembelajaran dijalankan di seluruh dunia (Maziah et al., 2018). Dalam konteks Malaysia, sektor pendidikan mengalami perubahan paradigma yang ketara, khususnya dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melancarkan Pendidikan Abad ke-21 (PAK 21) yang menekankan pembelajaran berpusatkan pelajar dengan mengintegrasikan elemen komunikasi, kolaboratif, kreativiti, pemikiran kritis serta aplikasi etika dan nilai murni.

Dalam era digital ini, cybergogi telah muncul sebagai pendekatan pembelajaran baharu yang memanfaatkan teknologi cyber dan persekitaran dalam talian. Cybergogi merupakan suatu revolusi virtual yang berupaya mewujudkan suasana pembelajaran menarik yang dapat merangsang kognitif, emosi dan sosial pelajar (Mohd Fauzi et al., 2013). Kaedah pendidikan cybergogi dilaksanakan melalui pemeraksanaan ICT yang tidak terhad kepada ruang, masa, budaya dan negara (Wan Ab Aziz et al., 2019). Pendekatan ini telah menjadi norma baharu dalam pendidikan, terutamanya selepas pandemik COVID-19 yang memaksa institusi pendidikan di seluruh dunia untuk beralih kepada pembelajaran dalam talian.

Dalam konteks pendidikan Islam di Malaysia, bidang Pengajian Islam penting untuk dikuasai bagi memastikan kestabilan dan kelestarian negara. Menurut Panel Penyelidik Hala Tuju Pengajian Islam di Malaysia (2010), pelbagai sektor diyakini dapat berfungsi dengan baik sekiranya input Islamisasi yang diberikan oleh pakar Pengajian Islam diterapkan dalam sektor tersebut. Namun demikian, pembelajaran Pengajian Islam di era digital ini menghadapi cabaran tersendiri dalam memelihara tradisi keilmuan Islam yang telah lama diamalkan, khususnya kaedah talaqqi yang menekankan interaksi langsung antara guru dan pelajar dengan penekanan kuat kepada adab dan akhlak.

Talaqqi merupakan kaedah pembelajaran yang telah diamalkan sejak zaman Rasulullah SAW dalam menerima wahyu al-Quran melalui perantaraan malaikat Jibril. Menerusi talaqqi, disiplin pembelajaran seperti kesungguhan, kesabaran dan adab yang tinggi diterapkan ke dalam jiwa pelajar. Kaedah ini terbukti berkesan dalam menjamin keaslian ilmu dan pembentukan akhlak pelajar (Sedek Ariffin, 2009). Meskipun teknologi pada masa kini terus berkembang dengan pesat, kaedah pembelajaran melalui talaqqi masih diakui sebagai teknik pembelajaran yang terbaik dalam pendidikan Islam berikutan impak positif yang dimanfaatkan melaluinya (Nurul Huda et al., 2019).

Kertas konseptual ini bertujuan membangunkan kerangka Model Cybergogi-Talaqqi yang mengintegrasikan kelebihan cybergogi dan talaqqi. Model ini dibangunkan berdasarkan gabungan Teori Connectivism oleh George Siemens (2004) dengan pandangan al-Ghazali mengenai adab pelajar dalam kitab *Ihya Ulum al-Din*. Kerangka ini diharap dapat membantu pelajar Pengajian Islam di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) untuk menyeimbangkan antara penggunaan teknologi digital dengan pemeliharaan adab dan nilai-nilai murni dalam menuntut ilmu. Model ini juga berpotensi menjadi panduan kepada institusi pendidikan Islam dalam mereka bentuk sistem pembelajaran yang berkesan di era digital.

Meskipun terdapat banyak kajian yang membincangkan cybergogi dan talaqqi secara berasingan, kajian yang mengintegrasikan kedua-dua pendekatan ini dalam satu kerangka konseptual masih terhad. Kebanyakan kajian cybergogi memberi tumpuan kepada aspek teknikal dan kognitif pembelajaran digital tanpa mempertimbangkan dimensi adab dan spiritual. Sebaliknya, kajian berkaitan talaqqi pula cenderung memfokuskan kaedah tradisional tanpa mengambil kira potensi teknologi digital sebagai medium penyampaian. Justeru, wujud kelompangan dalam literatur yang memerlukan satu kerangka bersepadu yang mampu menggabungkan kekuatan kedua-dua pendekatan tersebut.

Berdasarkan kelompangan yang dikenal pasti, kertas konseptual ini berpanduan kepada dua soalan kajian utama, iaitu;

- (i) Bagaimanakah elemen-elemen Teori Connectivism dan prinsip adab pelajar menurut al-Ghazali dapat diintegrasikan dalam satu kerangka konseptual?
- (ii) Apakah komponen-komponen utama yang perlu ada dalam Model Cybergogi-Talaqqi bagi pembelajaran Pengajian Islam di IPT?

SOROTAN KAJIAN

Revolusi Industri 4.0 dan Pendidikan

Revolusi Industri merupakan satu bentuk kemajuan dalam peradaban dan ketamadunan manusia yang berlaku dalam beberapa fasa. Bermula dari Revolusi Industri Pertama (RI 1.0) yang mengutamakan penggunaan tenaga manusia, kini RI 4.0 meluaskan objektifnya kepada penggunaan automasi dan pendigitalan yang mengoptimumkan fungsi otak (Noradilah *et al.*, 2020). RI 4.0 dicirikan oleh penggabungan teknologi antara fizikal, digital dan biologi yang melibatkan perkembangan pesat dalam bidang robotik, AI, bioteknologi, IoT, kenderaan autonomi, percetakan 3D, nanoteknologi dan penyimpanan tenaga.

Dalam konteks pendidikan, RI 4.0 membawa perubahan besar dalam cara pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Sistem pendidikan kini tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada kaedah tradisional seperti kuliah bersemuka dan buku teks. Sebaliknya, pembelajaran berasaskan teknologi seperti pembelajaran dalam talian (*e-learning*), pembelajaran mudah alih (*m-learning*), dan pembelajaran maya (*virtual learning*) menjadi semakin popular. Teknologi digital membolehkan pelajar mengakses maklumat dan sumber pembelajaran dari mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa yang memberikan fleksibiliti dalam proses pembelajaran. Di Malaysia, pelbagai inisiatif telah diambil oleh kerajaan untuk memastikan sistem pendidikan negara selaras dengan perkembangan RI 4.0. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menggariskan anjakan ketujuh yang menekankan pemanfaatan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia. Selain itu, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) juga telah memperkenalkan Dasar Pendidikan Digital yang bertujuan untuk menyediakan generasi fasih digital, meningkatkan kompetensi dan pembangunan profesional pihak berkepentingan, serta merapatkan jurang digital dengan perkembangan penggunaan ICT dalam pendidikan.

Namun demikian, kebanyakan kajian memberi tumpuan kepada aspek infrastruktur dan teknologi tanpa mengkaji secara mendalam kesan transformasi digital terhadap aspek nilai dan

adab dalam pembelajaran. Kelompangan ini menunjukkan keperluan untuk satu kerangka yang mengintegrasikan kemajuan teknologi dengan pemeliharaan nilai-nilai murni dalam pendidikan.

Cybergogi dalam Pembelajaran

Cybergogi merupakan pendekatan pembelajaran yang memanfaatkan teknologi cyber dan persekitaran dalam talian. Istilah ini pertama kali diperkenalkan untuk membezakan pembelajaran digital daripada pedagogi tradisional. Wang dan Kang (2006) mendefinisikan cybergogi sebagai “the art and science of helping adults to learn using the resources and methods afforded by the cyberspace”. Menurut Rezki Perdani Sawai (2021), cybergogi ialah kaedah pendidikan yang mendorong pelajar terlibat dalam persekitaran pembelajaran dalam talian dan merupakan suatu revolusi virtual yang berupaya mewujudkan suasana pembelajaran menarik yang dapat merangsang kognitif, emosi dan sosial pelajar.

Cybergogi menawarkan beberapa kelebihan berbanding kaedah pembelajaran tradisional. Pertama, cybergogi memberikan fleksibiliti dari segi masa dan lokasi pembelajaran. Pelajar tidak perlu hadir secara fizikal di bilik darjah pada waktu yang ditetapkan, sebaliknya boleh mengakses bahan pembelajaran mengikut kesesuaian sendiri. Kedua, cybergogi membolehkan akses kepada sumber pembelajaran yang tidak terhad. Pelajar boleh mengakses pelbagai sumber maklumat dari seluruh dunia melalui internet, termasuk video, artikel, e-book, dan laman web pendidikan. Ketiga, cybergogi memudahkan pembelajaran kolaboratif. Pelajar boleh berinteraksi dengan rakan sebaya dan pensyarah melalui pelbagai platform dalam talian seperti forum perbincangan, video conferencing, dan media sosial.

Dalam konteks pembelajaran segera (*synchronous learning*), cybergogi dilaksanakan melalui aplikasi seperti *Google Meet*, *Zoom Cloud Meeting*, *Microsoft Teams* dan *Webex*. Melalui aplikasi ini, para pelajar dapat menuntut ilmu secara terus dengan pendidik meskipun pertemuan tersebut berlaku secara maya (Perveen, 2016). Pembelajaran segera membolehkan interaksi langsung antara guru dan pelajar dalam masa nyata (*real-time*), justeru masih mengekalkan elemen penting dalam proses pembelajaran iaitu komunikasi dua hala. Manakala pembelajaran tak segera (*asynchronous learning*) pula membolehkan pelajar mengakses bahan pembelajaran pada bila-bila masa tanpa perlu hadir pada waktu yang sama dengan guru. Penggunaan cybergogi telah meningkat dengan mendadak sejak pandemik COVID-19 melanda dunia pada awal tahun 2020. Menurut UNESCO (2020), hampir 160 buah negara di seluruh dunia telah menutup institusi pendidikan dan beralih kepada pembelajaran dalam talian bagi memastikan kesinambungan proses pendidikan. Di Malaysia, pembelajaran cybergogi telah dilaksanakan secara meluas di semua peringkat pendidikan, daripada sekolah rendah hinggalah ke institusi pengajian tinggi. Walaupun pada mulanya terdapat pelbagai cabaran dalam pelaksanaan cybergogi, namun saban hari ia mula diterima umum dan semakin menjadi kebiasaan dalam merealisasikan pembelajaran yang optimum.

Literatur kajian menunjukkan bahawa cybergogi menawarkan pelbagai kelebihan dari segi fleksibiliti, aksesibiliti dan interaktiviti. Walau bagaimanapun, kajian-kajian sedia ada lebih memfokuskan kepada aspek teknikal dan kognitif pembelajaran, manakala dimensi afektif dan spiritual kurang diberi perhatian. Teori-teori pembelajaran digital seperti *Connectivism* juga didapati tidak membincangkan secara mendalam tentang aspek adab dan

akhlak dalam pembelajaran. Justeru, terdapat keperluan untuk memperkaya pendekatan cybergogi dengan elemen nilai murni agar ia lebih holistik dan sesuai dengan konteks pendidikan Islam.

Talaqqi dalam Tradisi Pembelajaran Islam

Talaqqi merupakan kaedah pembelajaran tradisional dalam pendidikan Islam yang telah dipraktikkan sejak zaman Rasulullah SAW. Istilah talaqqi berasal daripada perkataan Arab “laqqā-yulaqqī” yang bermaksud menerima atau mengambil sesuatu. Dalam konteks pendidikan Islam, talaqqi merujuk kepada kaedah pembelajaran yang menuntut pelajar bersemuka dengan guru untuk menerima ilmu secara langsung, khususnya dalam pembelajaran al-Quran (Abdul Mun'im Hilmi *et al.*, 2021). Kaedah ini menekankan pentingnya sanad atau rantai guru yang bersambung sehingga kepada Rasulullah SAW sebagai penjamin keaslian ilmu yang dipelajari.

Talaqqi pertama kali diamalkan oleh Rasulullah SAW dalam menerima wahyu al-Quran daripada malaikat Jibril. Proses penerimaan wahyu ini melibatkan interaksi langsung antara Rasulullah SAW sebagai pelajar dengan malaikat Jibril sebagai guru. Menerusi talaqqi, disiplin pembelajaran seperti kesungguhan, kesabaran, kerendahan hati, dan adab yang tinggi diterapkan ke dalam jiwa Rasulullah SAW. Kesannya, keaslian al-Quran dipelihara dan terjamin sehingga kini sepertimana keadaan asal ia diturunkan (Sedek Ariffin, 2009). Tradisi pembelajaran talaqqi ini kemudiannya diwariskan kepada para sahabat, tabiin dan generasi Muslim seterusnya.

Menurut Nurul Huda *et al.* (2019), talaqqi mempunyai tiga syarat utama iaitu pelajar, guru dan ilmu. Ketiga-tiga syarat ini saling berkaitan dan tidak boleh dipisahkan dalam proses pembelajaran talaqqi. Pelajar mesti menunjukkan adab yang tinggi terhadap guru, termasuk bersikap rendah hati, menghormati guru dan bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu. Guru pula mesti memiliki kelayakan dan kesahihan sanad ilmu yang dipelajari. Manakala ilmu yang disampaikan mesti sahih dan benar serta berpanduan kepada sumber-sumber yang muktabar.

Kaedah talaqqi mempunyai beberapa kelebihan yang unik. Pertama, talaqqi memastikan keaslian ilmu kerana melibatkan penyampaian langsung daripada guru kepada pelajar dengan sanad yang jelas. Ini sangat penting terutamanya dalam pembelajaran al-Quran dan hadis di mana ketepatan adalah sangat kritikal. Kedua, talaqqi membolehkan pembetulan segera. Apabila pelajar membuat kesilapan dalam bacaan atau pemahaman, guru boleh membetulkan dengan serta-merta. Ketiga, talaqqi membentuk hubungan yang rapat antara guru dan pelajar yang memudahkan proses penerapan nilai-nilai murni dan akhlak. Keempat, talaqqi menekankan aspek adab dan akhlak dalam menuntut ilmu, bukan sekadar pemindahan ilmu pengetahuan semata-mata.

Meskipun teknologi digital telah berkembang pesat, kaedah talaqqi masih relevan dan penting dalam pendidikan Islam masa kini. Menurut Mohd Abdul Nasir *et al.* (2017), tradisi pembelajaran ilmu al-Quran dapat diwariskan kepada generasi baru secara amanah dan bertanggungjawab melalui kaedah talaqqi. Namun demikian, talaqqi tradisional mempunyai keterbatasan dari segi jangkauan dan fleksibiliti. Pembelajaran talaqqi yang memerlukan kehadiran fizikal guru dan pelajar pada masa dan tempat yang sama tidak dapat menampung keperluan pelajar yang berada di lokasi yang jauh atau mempunyai kekangan masa.

Analisis terhadap literatur berkaitan talaqqi menunjukkan bahawa kaedah ini mempunyai kekuatan yang unik dalam pembentukan adab dan akhlak pelajar. Namun begitu, kebanyakan kajian tentang talaqqi masih bersifat tradisional dan kurang mengkaji potensi adaptasi kaedah ini dalam persekitaran digital. Sebaliknya, kajian-kajian cybergogi pula jarang mengambil kira prinsip-prinsip talaqqi dalam reka bentuk pembelajaran. Kelompangan ini membuka ruang untuk kajian yang mengintegrasikan kedua-dua pendekatan bagi menghasilkan model pembelajaran yang lebih komprehensif.

Cabaran Cybergogi dalam Pendidikan Islam

Pelbagai kajian dan laporan media telah membincangkan cabaran yang dihadapi dalam pembelajaran cybergogi. Sebanyak 80 peratus guru berhadapan dengan kesukaran untuk memastikan keberadaan pelajar sepanjang sesi kelas dalam talian (Azlin Norhaini Mansor, 2020), manakala pelajar pula menunjukkan ketidakpuasan yang tinggi terhadap interaksi dengan pensyarah (Selvanathan *et al.*, 2020). Cabaran lain yang dikenal pasti termasuk kehilangan fokus, pengasingan sosial dan kekurangan kompetensi digital (Jafar *et al.*, 2022), serta beban kerja dan maklumat yang berlebihan yang mencetuskan tekanan dan kebimbangan dalam kalangan pelajar (Al-Kumaim *et al.*, 2021; Kamaludin & Sundarasan, 2023).

Antara isu tingkah laku yang dikenal pasti termasuk pelajar tidak menjawab atau membalas panggilan guru, tidak menyiapkan kerja rumah, tidak menghadiri kelas maya, menutup kamera komputer, bersikap pasif tanpa menunjukkan sebarang reaksi, serta tidak mengambil peduli tentang tugas kumpulan. Laporan media turut menyuarakan masalah ini di mana hanya 20 hingga 30 peratus murid mengikuti pembelajaran dalam talian (Berita Harian, Jun 2020). Terdapat isu di mana guru begitu gigih membuat persediaan untuk kelas dalam talian namun pelajar tidak hadir (Mstar, November 2020) dan sambutan daripada pelajar tidak begitu menggalakkan kerana sesetengah pelajar tidak menjawab atau memberi respon (Free Malaysia Today, April 2020). Situasi ini menunjukkan bahawa meskipun guru telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menjayakan pengajaran secara maya, namun tidak berbaloi jika pelajar tidak turut serta dengan penuh komitmen, tidak beradab dan bersikap sambil lewa terhadap guru (Nur Farah Syahirah & Abdul Muhsien, 2021).

Analisis terhadap kajian di atas menunjukkan bahawa isu hakisan adab dalam pembelajaran cybergogi bukanlah perkara terpencil, namun merupakan cabaran sistemik yang memerlukan penyelesaian yang komprehensif. Kajian yang dilakukan membuktikan wujudnya jurang antara potensi teknologi digital dengan realiti pelaksanaannya, khususnya dalam aspek pembentukan akhlak dan pemeliharaan adab pelajar. Kepentingan peranan guru dalam pembelajaran turut dibuktikan oleh Apidah (2023) yang mendapati bahawa pengajaran guru mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar. Kelompangan yang ketara dalam literatur ialah ketiadaan kerangka konseptual yang secara khusus mengintegrasikan kelebihan cybergogi dengan prinsip-prinsip adab dalam tradisi keilmuan Islam seperti talaqqi. Justeru, pembangunan Model Cybergogi-Talaqqi adalah relevan dan diperlukan untuk mengisi kelompangan ini.

PERNYATAAN MASALAH

Di era globalisasi dan RI 4.0 kini, cybergogi menjadi norma baharu dalam dunia pendidikan, termasuk dalam pendidikan Islam. Namun demikian, pelaksanaan cybergogi dalam pendidikan Islam menghadapi dilema iaitu ketirisan adab dan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar. Hakikatnya, kepesatan dalam bidang teknologi telah menyaksikan kemerosotan akhlak dan adab pelajar dalam proses pembelajaran. Situasi ini berlaku kerana para pelajar beranggapan bahawa guru tiada di hadapan mereka secara fizikal, justeru mereka cenderung untuk bersikap kurang sopan, tidak menghormati guru dan tidak menunjukkan kesungguhan dalam menuntut ilmu (Khamsiah Adan, 2021).

Ironinya, teknologi yang sepatutnya meningkatkan kualiti pendidikan telah menjadi punca kepada hakisan adab dalam kalangan pelajar. Dengan wujudnya cybergogi, para pelajar dilihat semakin mudah untuk mengabaikan adab dalam pembelajaran. Hal ini sangat berlawanan dengan situasi pembelajaran tradisional berasaskan kaedah talaqqi yang masyhur dengan praktikal adab yang tinggi. Dalam kaedah talaqqi, pelajar dididik untuk sentiasa menjaga adab terhadap guru, menunjukkan kesungguhan dalam menuntut ilmu, bersikap rendah hati, dan menghormati ilmu yang dipelajari. Namun dalam cybergogi, nilai-nilai murni ini seakan terhakis dan diabaikan.

Di pihak guru pula, mereka telah berusaha sebaik mungkin untuk menjalankan cybergogi dengan sempurna. Guru-guru sanggup menghabiskan masa yang panjang untuk menyediakan bahan mengajar, bahkan ada yang sanggup mengeluarkan wang sendiri untuk membeli kredit internet bagi pelajar (Mstar, November 2020). Namun begitu, usaha gigih para guru ini seakan tidak dihargai apabila pelajar tidak hadir ke kelas maya, tidak menjawab panggilan, tidak menyiapkan tugas, dan menunjukkan sikap tidak peduli. Situasi ini menyebabkan motivasi dan minat guru untuk mengajar jatuh merudum kerana pembelajaran seakan berlaku satu hala sahaja tanpa respons yang positif daripada pelajar.

Lebih membimbangkan apabila isu hakisan adab ini turut berlaku dalam kalangan pelajar Pengajian Islam di IPT. Berita Harian (9 Oktober 2023) melaporkan bahawa pelajar IPT tidak berminat dengan pembelajaran, sengaja menutup kamera, bersikap pasif dan mengabaikan tugas kumpulan. Perkara ini tidak seharusnya berlaku kerana pelajar Pengajian Islam sepatutnya menjadi contoh teladan dalam hal adab dan akhlak. Keadaan ini secara langsung menunjukkan tahap penghargaan dan penghormatan yang rendah dalam kalangan pelajar terhadap guru dan ilmu yang dipelajari (Nur Farah Syahirah & Abdul Muhsien, 2021).

Sehubungan dengan itu, terdapat keperluan untuk membangunkan suatu model pembelajaran yang dapat mengintegrasikan kelebihan cybergogi dengan pemeliharaan nilai-nilai adab seperti yang ditekankan dalam kaedah talaqqi. Model sedemikian perlu untuk memastikan bahawa pembelajaran dalam talian tidak hanya memfokuskan kepada pemindahan ilmu pengetahuan semata-mata, tetapi juga menekankan pembentukan akhlak dan adab pelajar. Ini adalah sangat penting terutamanya dalam konteks pendidikan Islam di mana pembentukan akhlak adalah sebahagian daripada objektif utama pendidikan.

Selain itu, dengan pengumuman KPT untuk melaksanakan sistem pembelajaran hibrid yang menggabungkan pembelajaran secara fizikal dengan pembelajaran dalam talian bermula sesi 2023/2024, keperluan untuk model yang mengintegrasikan cybergogi dan talaqqi menjadi

semakin mendesak. Sebanyak 19 daripada 20 universiti awam di Malaysia telah menyatakan kesediaan untuk melaksanakan pembelajaran hibrid ini (Berita Harian, 2023). Justeru, pelajar di IPT dijangka akan mengimplementasikan pembelajaran cybergogi dan talaqqi secara serentak. Bagi memastikan pembelajaran hibrid ini berkesan dan tidak menjejaskan aspek adab pelajar, maka suatu model yang komprehensif perlu dibangunkan.

Berdasarkan kepada permasalahan dan kelompangan yang telah dikenal pasti, kertas konseptual ini berhasrat untuk membangunkan kerangka Model Cybergogi-Talaqqi yang dapat memberi panduan kepada para pelajar, khususnya pelajar jurusan Pengajian Islam di IPT, dalam menambah baik kualiti adab dan pembelajaran dalam talian bersama guru. Model ini diharapkan dapat menjadi rujukan kepada masalah hakisan adab dalam pembelajaran cybergogi dengan menggabungkan kekuatan teknologi digital dengan nilai-nilai murni yang terkandung dalam tradisi talaqqi.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian konseptual (*conceptual research*) yang bertujuan untuk membina kerangka teoritikal baharu melalui analisis dan integrasi idea-idea sedia ada (Jaakkola, 2020). Pembangunan Model Cybergogi-Talaqqi melibatkan tiga fasa utama dengan prosedur analisis yang sistematik.

Fasa 1: Tinjauan Literatur Sistematis

Literatur berkaitan cybergogi, talaqqi, Teori Connectivism dan pandangan al-Ghazali tentang adab pelajar diperoleh daripada pangkalan data akademik seperti *Scopus*, *Web of Science* dan *Google Scholar*. Kata kunci yang digunakan termasuk *cybergogy*, *digital learning*, *talaqqi*, *adab*, *Connectivism* dan *Islamic education*. Sumber primer seperti kitab *Ihya Ulum al-Din* karya al-Ghazali turut dirujuk. Kriteria pemilihan literatur merangkumi artikel jurnal berindeks, buku rujukan dan dokumen dasar pendidikan yang berkaitan dengan pembelajaran digital dan pendidikan Islam.

Fasa 2: Analisis Tematik Konseptual

Elemen utama daripada *Teori Connectivism* (Siemens, 2004) dan prinsip adab pelajar menurut al-Ghazali dikenal pasti menggunakan teknik *thematic synthesis* (Thomas & Harden, 2008). Proses ini melibatkan tiga Langkah, iaitu; (i) pengekodan teks secara baris demi baris; (ii) pembangunan tema deskriptif; dan (iii) penjanaan tema analitikal. Tema-tema yang terhasil kemudiannya dikategorikan dan dibandingkan untuk mengenal pasti titik integrasi antara kedua-dua perspektif.

Fasa 3: Pemetaan Konseptual

Hubungan antara konsep-konsep yang dikenal pasti dipetakan secara visual menggunakan teknik *conceptual mapping* (Novak & Cañas, 2008) untuk membentuk kerangka Model Cybergogi-Talaqqi yang bersepadu. Model yang dihasilkan kemudiannya disemak semula

berdasarkan keselarasan dengan sorotan kajian, objektif kajian dan dokumen dasar pendidikan negara seperti PPPM 2013-2025 dan Dasar Pendidikan Digital.

KERANGKA KONSEPTUAL DAN TEORITIKAL

Kerangka konseptual dan teoritikal bagi Model Cybergogi-Talaqqi ini dibina berdasarkan integrasi dua pendekatan utama iaitu Teori Connectivism yang diperkenalkan oleh George Siemens (2004) daripada perspektif Barat dan pandangan al-Ghazali mengenai adab pelajar yang dikemukakan dalam kitab Ihya Ulum al-Din daripada perspektif Islam. Penggabungan kedua-dua perspektif ini adalah penting untuk memastikan model yang dibangunkan tidak hanya relevan dengan perkembangan teknologi semasa, tetapi juga selaras dengan nilai-nilai dan tradisi keilmuan Islam.

Teori Connectivism oleh George Siemens

Teori Connectivism telah diperkenalkan oleh George Siemens (2004) sebagai teori pembelajaran untuk era digital. Siemens berpendapat bahawa teori pembelajaran sedia ada seperti Behaviourism, Cognitivism dan Constructivism tidak lagi dapat memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran di era digital. Connectivism adalah teori pembelajaran yang menerangkan bagaimana teknologi Internet telah mencipta peluang baru kepada para pelajar untuk belajar dan berkongsi maklumat di dunia maya.

Dalam Teori Connectivism, Siemens (2004) menjelaskan bahawa pembelajaran ialah proses yang berlaku berdasarkan kepelbagaian pemindahan maklumat secara berterusan. Titik permulaan pembelajaran bermula dengan individu menyalurkan maklumat melalui rangkaian (*network*) dan individu lain menerimanya. Kemudian, individu terbabit menyalurkan semula maklumat baru ke dalam rangkaian. Akhirnya, ia akan menjadi satu kitaran yang berterusan. Teori ini menekankan bahawa pembelajaran pada era digital bukan sahaja berlaku dalam minda individu, tetapi juga melalui rangkaian hubungan dengan orang lain, sumber maklumat dan teknologi.

Siemens menggariskan beberapa prinsip utama dalam Teori Connectivism. Pertama, pembelajaran dan pengetahuan terletak pada kepelbagaian pendapat dan perspektif. Kedua, pembelajaran adalah proses menghubungkan nod-nod khusus atau sumber maklumat. Ketiga, pembelajaran boleh berlaku dalam peranti bukan manusia seperti komputer dan pangkalan data. Keempat, kapasiti untuk mengetahui lebih adalah lebih kritikal daripada apa yang diketahui pada masa ini. Kelima, memupuk dan mengekalkan hubungan adalah perlu untuk memudahkan pembelajaran berterusan. Keenam, keupayaan untuk melihat hubungan antara bidang, idea dan konsep adalah kemahiran teras. Ketujuh, ketepatan dan keterkinian pengetahuan adalah niat utama aktiviti pembelajaran connectivist. Kelapan, membuat keputusan adalah proses pembelajaran itu sendiri.

Dalam konteks cybergogi, Teori Connectivism sangat relevan kerana ia menjelaskan bagaimana pembelajaran boleh berlaku secara efektif dalam persekitaran dalam talian. Pelajar boleh membina rangkaian pembelajaran mereka sendiri dengan menghubungkan diri kepada pelbagai sumber maklumat dalam talian, berinteraksi dengan rakan sebaya melalui platform digital dan mengakses kepakaran daripada individu di seluruh dunia. Dari lambakan maklumat

yang ada dalam dunia cyber, pengguna perlu menapis kandungannya untuk menentukan maklumat yang sesuai, tepat dan bernilai. Pemerolehan maklumat yang betul akan mencorak pemikiran yang benar dan menjamin pembelajaran yang berkesan.

Walau bagaimanapun, Teori Connectivism tidak membincangkan secara mendalam tentang aspek adab dan akhlak dalam pembelajaran. Teori ini lebih memfokuskan kepada aspek teknikal dan kognitif pembelajaran dalam era digital. Justeru, untuk melengkapkan kerangka teoritik Model Cybergogi-Talaqqi, perspektif Islam mengenai adab pelajar perlu diintegrasikan bersama Teori Connectivism.

Pandangan al-Ghazali mengenai Adab Pelajar

Imam Abu Hamid al-Ghazali (1058-1111M) merupakan salah seorang ulama Islam yang tersohor dalam bidang pendidikan dan tasawuf. Pandangan beliau mengenai adab pelajar telah dinukilkan dengan terperinci dalam kitab *Ihya Ulum al-Din*, khususnya dalam Bab Ilmu dan Bab Adab Murid Terhadap Guru. Al-Ghazali menekankan bahawa menuntut ilmu bukan sekadar proses pemindahan maklumat daripada guru kepada pelajar, tetapi ia merupakan proses pembentukan jiwa dan akhlak yang memerlukan adab yang tinggi.

Menurut al-Ghazali, pelajar yang ingin berjaya dalam menuntut ilmu perlu memelihara beberapa adab utama. Pertama, pelajar mesti memastikan matlamat menuntut ilmu adalah demi memperbaiki nilai diri di dunia dan demi pencapaian tertinggi di akhirat, bukan semata-mata untuk kemegahan atau kedudukan duniawi. Niat yang ikhlas adalah asas kepada kejayaan dalam menuntut ilmu. Kedua, pelajar perlu memuliakan dan menghormati guru kerana guru adalah perantara kepada ilmu yang bermanfaat. Tanpa guru, pelajar tidak akan dapat memahami ilmu dengan betul dan mendalam.

Ketiga, pelajar mesti bersikap rendah diri (*tawaduk*) dan menjauhkan diri daripada sifat takabbur atau sombong. Al-Ghazali menegaskan bahawa kesombongan adalah penghalang terbesar kepada pemerolehan ilmu kerana ia menutup hati daripada menerima kebenaran. Keempat, pelajar perlu menunjukkan kesungguhan dan kesabaran dalam menuntut ilmu. Ilmu yang bermanfaat tidak akan diperoleh tanpa usaha yang gigih dan kesabaran menghadapi kesukaran. Kelima, pelajar mesti menjaga akhlak yang baik dalam semua aspek kehidupan, bukan hanya ketika berada di hadapan guru. Akhlak yang baik adalah tanda kesempurnaan ilmu yang dipelajari.

Al-Ghazali juga menekankan beberapa adab khusus pelajar terhadap guru. Pelajar tidak sepatutnya memulakan perbualan dengan guru melainkan guru yang memulakan. Pelajar perlu mendengar dengan penuh perhatian ketika guru menyampaikan ilmu dan tidak mencelah atau membantah tanpa alasan yang munasabah. Pelajar juga tidak sepatutnya bertanya banyak soalan yang tidak berkaitan atau yang bertujuan untuk menguji guru. Selain itu, pelajar perlu menghormati masa guru dan tidak membazirkannya dengan perkara-perkara yang tidak bermanfaat. Pelajar juga mesti bersyukur atas ilmu yang diterima dan sentiasa mendoakan guru.

Pandangan al-Ghazali mengenai adab pelajar ini sangat relevan dengan situasi pembelajaran cybergogi pada masa kini. Meskipun pembelajaran berlaku secara maya dan guru tidak berada di hadapan pelajar secara fizikal, namun adab-adab yang ditekankan oleh al-

Ghazali tetap perlu dijaga. Pelajar perlu menghormati guru dengan hadir ke kelas maya tepat pada masanya, mendengar dengan penuh perhatian, tidak melakukan aktiviti lain semasa kelas berlaku, dan menunjukkan kesungguhan dalam menyiapkan tugas. Niat menuntut ilmu juga perlu dijaga agar tidak terpesong kepada perkara-perkara yang tidak bermanfaat.

Integrasi Teori Connectivism dan Pandangan Al-Ghazali

Kerangka konseptual Model Cybergogi-Talaqqi dibina berdasarkan integrasi Teori Connectivism oleh George Siemens dengan pandangan al-Ghazali mengenai adab pelajar. Integrasi ini adalah perlu kerana kedua-dua perspektif ini saling melengkapi dan menguatkan antara satu sama lain. Teori Connectivism menyediakan asas teoritikal untuk pembelajaran dalam era digital dan menjelaskan bagaimana teknologi boleh dimanfaatkan untuk memudahkan proses pembelajaran. Manakala pandangan al-Ghazali pula menyediakan panduan mengenai nilai-nilai dan adab yang perlu dijaga oleh pelajar dalam menuntut ilmu.

Terdapat beberapa perkaitan yang jelas antara Teori Connectivism dengan pandangan al-Ghazali. Pertama, kedua-duanya menekankan pentingnya hubungan dalam pembelajaran. Dalam Connectivism, pembelajaran berlaku melalui pembinaan rangkaian hubungan dengan orang lain dan sumber maklumat. Dalam pandangan al-Ghazali pula, hubungan antara guru dan pelajar adalah asas kepada pembelajaran yang berkesan. Kedua, kedua-duanya menekankan pentingnya sumber maklumat yang tepat dan berkualiti. Connectivism menegaskan keperluan untuk menapis maklumat dan memilih yang tepat dan terkini. Al-Ghazali pula menekankan keperluan untuk belajar daripada guru yang berkeelayakan dan memiliki sanad ilmu yang sah.

Ketiga, kedua-duanya mengiktiraf kepentingan pembelajaran berterusan. Connectivism menyatakan bahawa kapasiti untuk mengetahui lebih adalah lebih kritikal daripada apa yang diketahui pada masa ini, justeru pembelajaran perlu berterusan. Al-Ghazali pula mengajar bahawa menuntut ilmu adalah kewajipan yang berterusan sepanjang hayat dan pelajar perlu sentiasa berusaha untuk menambah ilmu. Keempat, kedua-duanya menekankan kepentingan niat dan matlamat dalam pembelajaran. Connectivism menegaskan bahawa membuat keputusan tentang apa yang perlu dipelajari adalah sebahagian daripada proses pembelajaran itu sendiri. Al-Ghazali pula menekankan bahawa niat yang ikhlas adalah asas kepada kejayaan dalam menuntut ilmu.

Dengan mengintegrasikan kedua-dua perspektif ini, Model Cybergogi-Talaqqi yang dibangunkan akan dapat memanfaatkan kelebihan teknologi digital seperti yang dijelaskan dalam Teori Connectivism, sambil memastikan nilai-nilai murni dan adab dalam pembelajaran tetap terpelihara seperti yang ditekankan oleh al-Ghazali. Model ini akan menjadi panduan komprehensif untuk pembelajaran Islam di era digital yang tidak hanya mementingkan aspek kognitif dan teknikal, tetapi juga aspek spiritual dan akhlak.

CADANGAN MODEL CYBERGOGI-TALAQQI

Berdasarkan kepada kerangka teoritikal yang telah dibincangkan, kertas konseptual ini mencadangkan Model Cybergogi-Talaqqi yang mengintegrasikan kelebihan pembelajaran digital dengan pemeliharaan tradisi keilmuan Islam. Model ini dibina atas prinsip bahawa

pembelajaran berkesan dalam era digital memerlukan keseimbangan antara pemanfaatan teknologi dengan penjagaan adab dan nilai-nilai murni. Model Cybergogi-Talaqqi ini terdiri daripada beberapa komponen utama yang saling berkaitan dan menyokong antara satu sama lain.

Komponen Model Cybergogi-Talaqqi

Model Cybergogi-Talaqqi terdiri daripada lima komponen utama iaitu; (i) Persekitaran Pembelajaran Digital; (ii) Interaksi Guru-Pelajar; (iii) Adab dan Nilai Murni; (iv) Kandungan Pembelajaran; dan (v) Penilaian Holistik. Kelima-lima komponen ini saling berkait dan perlu dilaksanakan secara bersepadu untuk memastikan keberkesanan model.

Komponen pertama iaitu Persekitaran Pembelajaran Digital merujuk kepada infrastruktur dan platform teknologi yang digunakan untuk menyampaikan pembelajaran. Ini termasuk *Learning Management System* (LMS), aplikasi video *conferencing* seperti *Google Meet* atau *Zoom*, platform komunikasi seperti *WhatsApp* atau *Telegram*, dan pelbagai alat digital lain yang memudahkan proses pembelajaran. Persekitaran pembelajaran digital perlu direka bentuk dengan teliti untuk memudahkan interaksi guru-pelajar, penyampaian kandungan yang berkesan, serta ruang perbincangan dan kolaborasi.

Dalam konteks Model Cybergogi-Talaqqi, persekitaran pembelajaran digital perlu menyokong pembelajaran segera (*synchronous*) yang membolehkan interaksi langsung antara guru dan pelajar dalam masa nyata. Ini penting untuk mengekalkan elemen talaqqi iaitu pertemuan langsung antara guru dan pelajar, walaupun secara maya. Persekitaran pembelajaran juga perlu user-friendly dan mudah diakses oleh semua pelajar tanpa mengira tahap literasi digital mereka. Sokongan teknikal yang mencukupi perlu disediakan untuk memastikan tiada pelajar yang ketinggalan disebabkan oleh masalah teknikal.

Komponen kedua iaitu Interaksi Guru-Pelajar merupakan teras kepada Model Cybergogi-Talaqqi. Seperti dalam kaedah talaqqi tradisional yang menekankan interaksi langsung antara guru dan pelajar, model ini juga memerlukan interaksi yang bermakna walaupun dalam persekitaran maya. Guru perlu merancang aktiviti pembelajaran yang menggalakkan penyertaan aktif pelajar seperti perbincangan, soal jawab, kerja berkumpulan, dan pembentangan. Interaksi tidak seharusnya sehalu di mana guru sahaja yang menyampaikan maklumat, tetapi perlu dua hala dengan pelajar turut memberi maklum balas, bertanya soalan, dan berkongsi pendapat.

Dalam aspek interaksi ini, teknologi seperti breakout rooms boleh digunakan untuk memudahkan perbincangan dalam kumpulan kecil. Fitur chat dan polls boleh digunakan untuk mendapatkan respons pantas daripada pelajar. Papan putih digital (*digital whiteboard*) boleh digunakan untuk kolaborasi dalam masa nyata. Guru juga perlu memberikan perhatian individu kepada pelajar melalui sesi one-to-one jika diperlukan, sama seperti dalam talaqqi tradisional di mana guru memberi tumpuan kepada setiap pelajar untuk memastikan mereka memahami pelajaran dengan betul.

Komponen ketiga dan paling kritikal dalam Model Cybergogi-Talaqqi ialah Adab dan Nilai Murni. Inilah yang membezakan model ini daripada pendekatan cybergogi konvensional. Berdasarkan pandangan al-Ghazali, beberapa adab utama perlu ditekankan dan dipraktikkan

oleh pelajar dalam pembelajaran cybergogi. Pertama, niat yang ikhlas. Pelajar perlu memastikan niat mereka dalam menuntut ilmu adalah untuk meningkatkan keimanan dan mendapat keredaan Allah SWT, bukan untuk kemegahan atau populariti semata-mata.

Kedua, menghormati guru. Pelajar perlu menunjukkan penghormatan kepada guru dengan hadir ke kelas maya tepat pada masanya, mendengar dengan penuh perhatian, tidak mencelah tanpa izin, dan menggunakan bahasa yang sopan dalam komunikasi. Kamera komputer perlu dibuka semasa kelas berlaku untuk menunjukkan kehadiran yang sebenar dan membina hubungan yang lebih rapat dengan guru. Ketiga, kesungguhan dan komitmen. Pelajar perlu menunjukkan kesungguhan dengan menyiapkan tugas tepat pada masanya, menyertai semua aktiviti pembelajaran, dan tidak melakukan aktiviti lain semasa kelas berlaku seperti bermain permainan atau melayari media sosial.

Keempat, kerendahan hati. Pelajar perlu bersikap rendah hati dan terbuka untuk menerima teguran atau pembetulan daripada guru. Mereka tidak sepatutnya bersikap defensif atau menyangkal kesilapan yang dilakukan. Kelima, menghormati rakan sebaya. Adab bukan sahaja perlu dijaga terhadap guru, tetapi juga terhadap rakan sekelas. Pelajar perlu menghormati pendapat orang lain, tidak mengejek atau merendahkan rakan, dan membantu rakan yang menghadapi kesukaran. Keenam, bersyukur. Pelajar perlu bersyukur atas peluang untuk menuntut ilmu dan sentiasa mendoakan guru dan rakan-rakan.

Komponen keempat ialah Kandungan Pembelajaran. Kandungan pembelajaran dalam Model Cybergogi-Talaqqi perlu direka bentuk dengan mengambil kira prinsip-prinsip Connectivism. Kandungan tidak seharusnya statis dan terhad kepada bahan yang disediakan oleh guru sahaja, tetapi perlu dinamik dan memanfaatkan pelbagai sumber maklumat yang tersedia dalam rangkaian digital. Guru perlu membimbing pelajar untuk mengenal pasti sumber-sumber yang berkualiti dan sahih, terutamanya dalam pembelajaran Pengajian Islam di mana kesahihan sumber adalah sangat penting.

Kandungan pembelajaran perlu dipersembahkan dalam pelbagai format untuk menampung gaya pembelajaran yang berbeza. Ini termasuk video, audio, teks, infografik, simulasi, dan lain-lain. Multimedia boleh digunakan untuk menjadikan pembelajaran lebih menarik dan mudah difahami. Namun demikian, kandungan tidak sepatutnya terlalu kompleks sehingga mengelirukan pelajar atau memerlukan teknologi yang canggih yang tidak semua pelajar miliki. Keseimbangan perlu dicapai antara inovasi dan accessibility.

Komponen kelima ialah Penilaian Holistik. Dalam Model Cybergogi-Talaqqi, penilaian tidak seharusnya terhad kepada penilaian kognitif semata-mata seperti peperiksaan atau kuiz. Penilaian juga perlu merangkumi aspek afektif dan psikomotor, serta yang paling penting, aspek adab dan akhlak. Guru perlu menilai sama ada pelajar menunjukkan adab yang baik dalam pembelajaran, sama ada mereka menghormati guru dan rakan, sama ada mereka menunjukkan kesungguhan dan komitmen, dan sama ada mereka mengamalkan nilai-nilai murni yang dipelajari.

Penilaian boleh dilakukan melalui pelbagai kaedah seperti pemerhatian tingkah laku pelajar semasa kelas, analisis penyertaan dalam perbincangan, penilaian tugas individu dan berkumpulan, refleksi sendiri dan maklum balas rakan sebaya. Penilaian perlu bersifat formatif iaitu berterusan sepanjang proses pembelajaran dan memberikan maklum balas yang konstruktif untuk penambahbaikan. Penilaian sumatif pula dilakukan pada akhir kursus untuk

mengukur pencapaian keseluruhan pelajar. Kedua-dua jenis penilaian ini perlu mengambil kira bukan sahaja pencapaian akademik, tetapi juga perkembangan akhlak dan adab pelajar.

Prinsip Pelaksanaan Model Cybergogi-Talaqqi

Untuk memastikan Model Cybergogi-Talaqqi dapat dilaksanakan dengan berkesan, beberapa prinsip pelaksanaan perlu dipatuhi. Prinsip pertama ialah keseimbangan antara teknologi dan nilai murni. Penggunaan teknologi digital perlu diimbangi dengan penekanan yang kuat kepada adab dan akhlak. Teknologi adalah alat untuk memudahkan pembelajaran, bukan matlamat itu sendiri. Justeru, dalam setiap aktiviti pembelajaran, guru perlu memastikan bahawa aspek adab tidak diabaikan demi kepentingan teknologi.

Prinsip kedua ialah pembelajaran berpusatkan pelajar. Model ini mengiktiraf bahawa pelajar adalah individu yang aktif dalam proses pembelajaran, bukan penerima pasif maklumat. Justeru, aktiviti pembelajaran perlu direka bentuk untuk menggalakkan pelajar berfikir secara kritis, membuat keputusan, menyelesaikan masalah, dan berkongsi pengetahuan. Namun demikian, pendekatan berpusatkan pelajar ini tidak bermakna pelajar bebas melakukan apa sahaja tanpa bimbingan. Guru masih memainkan peranan penting sebagai fasilitator, pembimbing, dan role model dalam aspek adab dan akhlak.

Prinsip ketiga ialah komuniti pembelajaran. Pembelajaran tidak berlaku dalam pengasingan tetapi dalam konteks komuniti. Justeru, Model Cybergogi-Talaqqi menekankan pembinaan komuniti pembelajaran yang kukuh di mana guru dan pelajar saling menyokong, menggalakkan, dan membantu antara satu sama lain. Komuniti pembelajaran ini perlu diasaskan atas nilai-nilai Islam seperti *ukhuwah* (persaudaraan), *ta'awun* (tolong-menolong), dan *takaful* (saling bertanggungjawab). Dengan wujudnya komuniti pembelajaran yang kukuh, pelajar akan berasa lebih bermotivasi untuk belajar dan lebih mudah untuk menjaga adab kerana mereka berasa diperhatikan dan dihargai.

Prinsip keempat ialah pembelajaran berterusan dan reflektif. Pembelajaran tidak berakhir apabila kelas tamat atau apabila peperiksaan selesai. Pelajar perlu digalakkan untuk terus belajar di luar waktu kelas formal dengan membaca, meneliti, dan merenung tentang apa yang telah dipelajari. Refleksi adalah penting untuk memastikan pelajar tidak hanya memahami ilmu dari segi kognitif, tetapi juga dapat menghayati dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Guru perlu menyediakan ruang dan peluang untuk pelajar melakukan refleksi sendiri mengenai pembelajaran dan perkembangan diri mereka.

Prinsip kelima ialah fleksibiliti dan penyesuaian. Model Cybergogi-Talaqqi ini bukanlah satu formula yang rigid yang mesti diikuti dengan ketat dalam semua situasi. Sebaliknya, ia adalah kerangka yang fleksibel yang boleh disesuaikan mengikut konteks, keperluan pelajar, sumber yang ada, dan bidang ilmu yang dipelajari. Guru mempunyai autonomi untuk mengadaptasi model ini mengikut kesesuaian kelas mereka, asalkan prinsip-prinsip asas iaitu integrasi teknologi dengan adab tetap dikekalkan.

Strategi Pelaksanaan Model Cybergogi-Talaqqi

Untuk melaksanakan Model Cybergogi-Talaqqi dengan berkesan, beberapa strategi perlu diambil oleh pelbagai pihak berkepentingan. Pada peringkat institusi, pihak pengurusan IPT perlu menyediakan infrastruktur dan sokongan yang mencukupi untuk pembelajaran dalam talian. Ini termasuk rangkaian internet yang stabil dan pantas, platform pembelajaran yang mesra pengguna, latihan untuk staf dan pelajar, dan sokongan teknikal yang responsif. Institusi juga perlu membangunkan dasar dan garis panduan yang jelas mengenai adab dan etika dalam pembelajaran dalam talian.

Pada peringkat pensyarah atau guru, mereka perlu menjalani latihan yang komprehensif tentang pedagogi digital dan cara mengintegrasikan nilai-nilai murni dalam pembelajaran cybergogi. Guru perlu mahir menggunakan pelbagai alat dan platform digital, tetapi lebih penting lagi, mereka perlu memahami bagaimana untuk menjadi role model dalam aspek adab dan akhlak dalam persekitaran maya. Guru juga perlu proaktif dalam menetapkan jangkaan yang jelas kepada pelajar mengenai adab yang diperlukan dalam kelas maya dan konsisten dalam menguatkuasakan jangkaan tersebut.

Pada peringkat pelajar, mereka perlu diberi pendedahan awal mengenai adab dan etika pembelajaran dalam talian. Ini boleh dilakukan melalui modul orientasi pada awal semester yang menjelaskan jangkaan, tanggungjawab dan adab yang perlu dijaga dalam pembelajaran cybergogi. Pelajar juga perlu digalakkan untuk membina disiplin sendiri dan mengambil tanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri. Sokongan rakan sebaya juga penting, di mana pelajar yang lebih berpengalaman atau cemerlang boleh membantu rakan-rakan yang menghadapi kesukaran.

Strategi lain yang penting ialah penglibatan ibu bapa dan keluarga. Walaupun pelajar IPT adalah dewasa, namun sokongan keluarga masih penting untuk kejayaan pembelajaran mereka. Institusi boleh mengadakan sesi libat urus dengan ibu bapa untuk memaklumkan mereka tentang model pembelajaran yang digunakan dan bagaimana mereka boleh menyokong anak-anak mereka. Ibu bapa juga boleh memainkan peranan dalam memantau adab dan tingkah laku anak-anak mereka semasa pembelajaran dalam talian di rumah.

IMPLIKASI

Teoritik

Model Cybergogi-Talaqqi yang dicadangkan mempunyai beberapa implikasi teoritik yang penting. Pertama, model ini menyumbang kepada perkembangan teori pembelajaran dalam era digital dengan mengintegrasikan perspektif Barat dan Islam. Kebanyakan teori pembelajaran digital seperti Connectivism adalah berasaskan perspektif Barat yang cenderung untuk mengabaikan aspek spiritual dan akhlak. Model Cybergogi-Talaqqi menunjukkan bahawa teori pembelajaran Barat boleh diintegrasikan dengan pandangan Islam untuk menghasilkan model yang lebih holistik dan komprehensif.

Kedua, model ini membuka ruang baharu dalam penyelidikan berkaitan kesepaduan antara cybergogi dan talaqqi. Sehingga kini, cybergogi dan talaqqi sering dibincangkan secara berasingan dalam literatur. Model ini menunjukkan bahawa kedua-dua pendekatan ini boleh

diintegrasikan untuk saling melengkapi dan menguatkan. Ini boleh menjadi asas kepada penyelidikan lanjutan yang mengkaji secara empirikal keberkesanan model ini dalam konteks sebenar.

Ketiga, model ini menyumbang kepada wacana tentang pendidikan Islam dalam era digital. Terdapat perdebatan yang berterusan tentang bagaimana pendidikan Islam sepatutnya beradaptasi dengan perkembangan teknologi tanpa mengorbankan nilai-nilai tradisional. Model Cybergogi-Talaqqi menawarkan satu pendekatan yang seimbang yang mengiktiraf kepentingan teknologi sambil memastikan nilai-nilai dan tradisi keilmuan Islam tetap terpelihara. Ini boleh menjadi rujukan untuk institusi pendidikan Islam yang lain dalam merangka pendekatan pembelajaran mereka.

Praktikal

Dari segi praktikal, Model Cybergogi-Talaqqi mempunyai implikasi yang luas untuk pelbagai pihak berkepentingan. Untuk KPT, model ini boleh dijadikan rujukan dalam merangka dasar dan garis panduan pembelajaran dalam talian untuk institusi pengajian tinggi, khususnya yang menawarkan program Pengajian Islam. Model ini selaras dengan hasrat KPT untuk melaksanakan pembelajaran hibrid dan boleh membantu memastikan pembelajaran hibrid yang dilaksanakan tidak hanya memfokuskan kepada aspek teknologi tetapi juga aspek pembentukan akhlak pelajar.

Untuk IPT, khususnya yang menawarkan program Pengajian Islam, model ini boleh dijadikan panduan dalam mereka bentuk kurikulum dan pendekatan pengajaran pembelajaran. Institusi boleh menggunakan model ini sebagai asas untuk membangunkan modul pembelajaran dalam talian yang mengintegrasikan teknologi dengan nilai-nilai murni. Model ini juga boleh dijadikan rujukan dalam menetapkan standard dan jangkaan untuk pembelajaran dalam talian di institusi mereka.

Untuk pensyarah dan guru Pengajian Islam, model ini menyediakan panduan praktikal tentang bagaimana untuk melaksanakan pembelajaran cybergogi yang berkesan sambil memelihara adab dan nilai-nilai murni. Guru boleh merujuk kepada komponen-komponen dan prinsip-prinsip dalam model ini untuk merancang aktiviti pembelajaran, menetapkan jangkaan kepada pelajar, dan menilai perkembangan pelajar secara holistik. Model ini juga boleh membantu guru untuk menjadi lebih yakin dan kompeten dalam menggunakan teknologi digital untuk pengajaran.

pelajar Pengajian Islam di IPT, model ini memberikan panduan yang jelas tentang adab dan tanggungjawab mereka dalam pembelajaran cybergogi. Dengan memahami model ini, pelajar akan lebih sedar tentang kepentingan menjaga adab walaupun pembelajaran berlaku secara maya. Mereka juga akan faham bahawa pembelajaran cybergogi bukan bererti mereka bebas untuk bersikap sesuka hati tanpa adab, tetapi sebaliknya, mereka perlu menunjukkan disiplin dan tanggungjawab yang lebih tinggi kerana tiada pengawasan langsung daripada guru.

Elemen utama daripada *Teori Connectivism* (Siemens, 2004) dan prinsip adab pelajar menurut al-Ghazali dikenal pasti menggunakan teknik *thematic synthesis* (Thomas & Harden, 2008). Proses ini melibatkan tiga Langkah, iaitu; (i) pengkodan teks secara baris demi baris; (ii) pembangunan tema deskriptif; dan (iii) penjanaan tema analitikal. Tema-tema yang terhasil

kemudiannya dikategorikan dan dibandingkan untuk mengenal pasti titik integrasi antara kedua-dua perspektif.

Dasar

Model Cybergogi-Talaqqi juga mempunyai implikasi penting untuk pembangunan dasar pendidikan negara. Pertama, model ini menyokong pelaksanaan Dasar Revolusi Industri 4.0 Negara yang menekankan kepentingan menguasai kemajuan teknologi dalam pendidikan. Model ini menunjukkan bagaimana teknologi boleh diintegrasikan dalam pembelajaran sambil memastikan pembangunan modal insan yang holistik yang tidak hanya mahir dari segi teknikal tetapi juga memiliki akhlak dan adab yang baik.

Kedua, model ini menyokong pelaksanaan Dasar Pendidikan Digital yang dilancarkan oleh KPM. Dasar ini bertujuan untuk menyediakan generasi fasih digital, meningkatkan kompetensi dan pembangunan profesional pihak berkepentingan, serta merapatkan jurang digital. Model Cybergogi-Talaqqi boleh membantu dalam mencapai matlamat ini dengan menyediakan kerangka yang jelas tentang bagaimana pembelajaran digital sepatutnya dilaksanakan dalam konteks Malaysia yang mementingkan nilai-nilai murni dan akhlak.

Ketiga, model ini selaras dengan PPPM 2013-2025 khususnya Anjakan Ketujuh yang menekankan pemanfaatan ICT untuk meningkatkan kualiti pembelajaran. Model ini menunjukkan bahawa pemanfaatan ICT bukan hanya tentang menyediakan peralatan dan infrastruktur, tetapi juga tentang membangunkan pendekatan pedagogi yang sesuai yang mengambil kira konteks sosiobudaya Malaysia. Justeru, model ini boleh dijadikan contoh bagaimana dasar nasional boleh diterjemahkan kepada amalan pedagogi yang konkrit di peringkat institusi.

Keempat, model ini juga mempunyai implikasi untuk *Malaysian Qualifications Agency* (MQA) dalam aspek jaminan kualiti pendidikan tinggi. MQA boleh menggunakan model ini sebagai rujukan dalam membangunkan atau menambah baik *Code of Practice for Programme Accreditation* (COPPA) khususnya untuk pembelajaran dalam talian (ODL). Elemen-elemen dalam Model Cybergogi-Talaqqi seperti penekanan kepada adab, interaksi bermakna antara guru dan pelajar, dan penilaian holistik boleh dijadikan standard kualiti yang perlu dipenuhi oleh program pembelajaran dalam talian.

KESIMPULAN

Kertas konseptual ini telah membentangkan Model Cybergogi-Talaqqi sebagai satu pendekatan inovatif untuk pembelajaran Pengajian Islam di era digital. Model ini dibangunkan sebagai respons kepada cabaran hakisan adab dalam pembelajaran cybergogi yang semakin membimbangkan, khususnya dalam kalangan pelajar Pengajian Islam di IPT. Dengan mengintegrasikan Teori Connectivism oleh George Siemens dengan pandangan al-Ghazali mengenai adab pelajar, model ini menawarkan kerangka yang komprehensif untuk pembelajaran yang tidak hanya memanfaatkan teknologi digital tetapi juga memelihara nilai-nilai dan tradisi keilmuan Islam.

Model Cybergogi-Talaqqi terdiri daripada lima komponen utama iaitu Persekitaran Pembelajaran Digital, Interaksi Guru-Pelajar, Adab dan Nilai Murni, Kandungan Pembelajaran, dan Penilaian Holistik. Kelima-lima komponen ini perlu dilaksanakan secara bersepadu berdasarkan prinsip-prinsip keseimbangan antara teknologi dan nilai murni, pembelajaran berpusatkan pelajar, komuniti pembelajaran, pembelajaran berterusan dan reflektif, serta fleksibiliti dan penyesuaian. Model ini bukan hanya satu konsep teoritikal semata-mata, namun juga menyediakan panduan praktikal yang boleh digunakan oleh pelbagai pihak berkepentingan dalam sistem pendidikan.

Implikasi model ini adalah luas dan meliputi aspek teoritikal, praktikal dan dasar. Dari segi teoritikal, model ini menyumbang kepada perkembangan teori pembelajaran digital dengan mengintegrasikan perspektif Barat dan Islam. Dari segi praktikal, model ini menyediakan panduan kepada institusi pendidikan, guru, dan pelajar tentang bagaimana untuk melaksanakan pembelajaran cybergogi yang berkesan sambil memelihara adab. Dari segi dasar pula, model ini menyokong pelbagai dasar dan inisiatif kerajaan berkaitan pendidikan digital dan RI 4.0.

Model Cybergogi-Talaqqi ini adalah satu cadangan konseptual yang memerlukan kajian lanjutan untuk menilai keberkesanannya dalam konteks sebenar. Penyelidikan empirikal perlu dijalankan untuk menguji model ini, mengenal pasti kekuatan dan kelemahannya dan membuat penambahbaikan yang perlu. Namun demikian, model konseptual ini mampu dijadikan sebagai titik permulaan untuk institusi pendidikan Islam yang ingin membangunkan pendekatan pembelajaran digital yang lebih holistik dan seimbang.

Dalam konteks Malaysia yang sedang bergerak ke arah pembelajaran hibrid di IPT, Model Cybergogi-Talaqqi menawarkan satu alternatif yang menarik dan relevan. Model ini mengiktiraf realiti bahawa teknologi digital adalah satu keperluan dalam pendidikan moden, tetapi ia juga menekankan bahawa teknologi tidak sepatutnya menggantikan nilai-nilai murni yang menjadi teras pendidikan Islam. Sebaliknya, teknologi dan nilai murni perlu berjalan seiring untuk menghasilkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik dan mahir dalam teknologi, tetapi juga memiliki akhlak yang mulia dan adab yang tinggi.

Kejayaan Model Cybergogi-Talaqqi bergantung kepada komitmen dan kerjasama semua pihak berkepentingan. Pihak kerajaan perlu menyediakan dasar dan sokongan yang mencukupi. Institusi pendidikan perlu menyediakan infrastruktur dan latihan yang diperlukan. Guru perlu komited untuk menjadi role model dalam aspek adab dan akhlak. Pelajar pula perlu mengambil tanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri dan berusaha untuk menjaga adab walaupun pembelajaran berlaku secara maya. Dengan kerjasama semua pihak, Model Cybergogi-Talaqqi berpotensi untuk mentransformasi pembelajaran Pengajian Islam di era digital dan melahirkan generasi Muslim yang unggul dalam ilmu dan tinggi dalam akhlak.

Conflict of Interest: *The authors have no conflicts of interest to declare.*

Author Contributions: *Khairul Hamimah Mohammad Jodi wrote the manuscript. The author has read and agreed to the published version of the manuscript.*

Institutional Review Board Statement: *Not applicable.*

Informed Consent Statement: Not applicable.

Data Availability Statement: Not applicable

Acknowledgement: Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada *Open University Malaysia* atas sokongan dalam menyiapkan kertas kerja ini dan *Universiti Malaysia Sabah* atas sokongan dalam penerbitan kertas kerja ini.

RUJUKAN

- Abdul Mun'im Hilmi, Norazman Alias, & Zainora Daud. (2021). Keperluan aplikasi digital pengajian qira'at menerusi pendekatan cybergogi dalam Revolusi Industri 4.0. *Proceedings of the 7th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2021)*, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Ahmad Akram Mahmad Robbi. (2023, 9 Oktober). Pendidikan dalam talian hakis adab, disiplin penuntut. *Berita Harian*.
<https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2023/10/1162619/pendidikan-dalam-talian-hakis-adab-disiplin-penuntut>
- Al-Kumaim, N. H., Alhazmi, A. K., Mohammed, F., Gazem, N. A., Shabbir, M. S., & Fazea, Y. (2021). Exploring the impact of the COVID-19 pandemic on university students' learning life: An integrated conceptual motivational model for sustainable and healthy online learning. *Sustainability*, 13(5), 2546. <https://doi.org/10.3390/su13052546>
- Apidah binti Amin. (2023). Hubungan persekitaran pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar tingkatan enam. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 11(1), 23–35.
<https://doi.org/10.51200/jpp.v11i1.4278>
- Azlin Norhaini Mansor. (2020, 9 Disember). Covid-19: Cabaran buat guru. *Bernama*.
<https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1909566>
- Berita Harian. (2020, 23 Jun). Hanya 20-30 peratus murid ikuti PdP dalam talian.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/703364/hanya-20-30-peratus-murid-ikuti-pdp-dalam-talian>
- Free Malaysia Today. (2020, 3 April). Guru sukar laksana pembelajaran secara 'online' ketika PKP. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2020/04/03/guru-sukar-laksana-pembelajaran-secara-online-ketika-pkp/>
- Jaakkola, E. (2020). Designing conceptual articles: Four approaches. *AMS Review*, 10, 18–26.
<https://doi.org/10.1007/s13162-020-00161-0>
- Jafar, A., Dollah, R., Sakke, N., Mapa, M. T., Hua, A. K., Eboy, O. V., Joko, E. P., Hassan, D., & Hung, C. V. (2022). Assessing the challenges of e-learning in Malaysia during the pandemic of Covid-19 using the geo-spatial approach. *Scientific Reports*, 12, 17316. <https://doi.org/10.1038/s41598-022-22360-4>
- Kamaludin, K., & Sundarasan, S. (2023). COVID-19 and online distance learning in Malaysia: A blessing or a curse? *Frontiers in Education*, 8, 1062219.
<https://doi.org/10.3389/educ.2023.1062219>
- Maziahtusima Ishak, Hazlina Abdullah, Yuslina Mohamed, & Sakinah Ahmad. (2018). Mendepani cabaran era Revolusi Industri 4.0: Hubungan amalan pembelajaran berterusan dengan prestasi peranan guru Pendidikan Islam sebagai agen perubahan masyarakat. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2018*, Universiti Sultan Zainal Abidin.

- Mohd Abdul Nasir Abd Latif, Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi, Muhammad Hasbi Abdul Rahman, Muhammad Nadzir Ibrahim, & Muhammad Akramin Kamarul Zaman. (2017). Implementasi talaqqi dan mushafahah dalam pengajaran dan pembelajaran qira'at Warsh 'an Nafi'. *Online Journal of Islamic Education*, 5(1), 28–38.
- Mohd Fauzi Abdul Hamid, Norhayati Che Hat, & Shaferul Hafes Sha'ari. (2013). Persepsi pelajar terhadap penggunaan animasi dalam pembelajaran. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*, 63(1), 25–29.
- Mstar. (2020, 27 November). *Guru gigih buat kelas online tapi '0 kehadiran'*. <https://www.mstar.com.my/lokal/viral/2020/11/27/guru-gigih-buat-kelas-online-tapi-0-kehadiran>
- Noradilah Abdul Wahab, Najmi Muhamad, & Mohd Sani Ismail. (2020). Media sosial sebagai medium dakwah masa kini. *International Social Science and Humanities Journal*, 2(1), 14–23.
- Novak, J. D., & Cañas, A. J. (2008). *The theory underlying concept maps and how to construct and use them* (Technical Report IHMC CmapTools 2006-01 Rev 01-2008). Florida Institute for Human and Machine Cognition.
- Nur Farah Syahirah Nazim, & Abdul Muhsien Sulaiman. (2021). Adab murid terhadap guru menurut Ibn Jama'ah: Aplikasinya dalam konteks pembelajaran dalam talian. *Journal of Social Sciences and Humanities (e-Bangi)*, 18(1), 1–15.
- Nur Khamsiah Adan. (2021). Tanggungjawab menjaga adab menuntut ilmu semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian (PDPDT). *Prosiding International Conference on Syariah & Law 2021 (ICONSYAL 2021)*.
- Nurul Huda Zainal Abidin, Najmiah Omar, & Nor Hafizi Yusof. (2019). Konsep dan pelaksanaan kaedah talaqqi dan musyafahah dalam pembelajaran al-Quran. *Malaysian Journal of Islamic Studies*, 3(1), 27–35.
- Panel Penyelidik Hala Tuju Pengajian Islam di Malaysia. (2010). *Hala tuju Pengajian Islam di Malaysia*. Jabatan Pengajian Tinggi Malaysia.
- Perveen, A. (2016). Synchronous and asynchronous e-language learning: A case study of Virtual University of Pakistan. *Open Praxis*, 8(1), 21–39.
- Rezki Perdani Sawai. (2021, 23 Jun). Pendekatan pendidikan era baharu: Heutagogi, peeragogi dan cybergogi. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kolumnis-pendekatan-pendidikan-era-baharu-heutagogi-peeragogi-dan-cybergogi-304614>
- Sedek Ariffin. (2009). Kepentingan talaqqi dan musyafahah dalam pembacaan al-Quran. *Jurnal Darul Quran*, 13, 109–127.
- Selvanathan, M., Hussin, N. A. M., & Azazi, N. A. N. (2020). Students learning experiences during COVID-19: Work from home period in Malaysian higher learning institutions. *Teaching Public Administration*, 41(1), 13–22. <https://doi.org/10.1177/0144739420977900>
- Siemens, G. (2004). Connectivism: A learning theory for the digital age. *International Journal of Instructional Technology & Distance Learning*, 2.
- Thomas, J., & Harden, A. (2008). Methods for the thematic synthesis of qualitative research in systematic reviews. *BMC Medical Research Methodology*, 8, 45. <https://doi.org/10.1186/1471-2288-8-45>
- UNESCO. (2020). COVID-19 educational disruption and response. <https://en.unesco.org/covid19/educationresponse/>
- Wan Ab Aziz Wan Daud, Wong Kung Teck, Mohammad Taufiq Abdul Ghani, & Saipolbarin Ramli. (2019). The needs analysis of developing mobile learning application for

cybergogical teaching and learning of Arabic language proficiency. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(8), 33–46

Disclaimer / Publisher's Note: The statements, opinions and data contained in all publications are solely those of the individual author(s) and contributor(s) and/or the editor(s). The editor(s) disclaim responsibility for any injury to people or property resulting from any ideas, methods, instructions or products referred to in the content.